



SIARAN MEDIA

UDA LANCAR GALERI JUALAN BAHARU DI SARAWAK

KUCHING, 9 Februari 2023 – UDA Holdings Berhad (UDA) peneraju pembangunan harta tanah dan pengurusan aset merangkumi pelaburan dan pengurusan harta, hospitaliti serta pengurusan fasiliti yang juga agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), melancarkan galeri jualan baharu di Sarawak yang terletak di Sarawak Plaza, Jalan Tunku Abdul Rahman, Kuching, hari ini.

Galeri jualan UDA Land Sarawak Sdn Bhd (UDA Land Sarawak) itu dibuka bagi mengetengahkan produk harta tanah yang ditawarkan seterusnya memudahkan pelanggan mendapatkan maklumat produk. Antara projek yang dipamerkan adalah 'Neu Pendington' yang sedang dibangunkan di atas tanah berkeluasan 12.6 ekar (5.1 hektar) di kawasan Pending, Kuching. Projek pembangunan bersepadu pertama di Sarawak itu dibangunkan hasil usaha sama UDA dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) dengan nilai pembangunan kasar (GDV) dianggarkan berjumlah RM496 juta.

YB Datuk Ewon Benedict, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi berkata, "Pembukaan galeri jualan UDA Land Sarawak yang menonjolkan pembangunan bersepadu 'Neu Pendington' merangkumi kedai pejabat, apartmen dan hotel ini adalah seiring dengan matlamat Kementerian bagi menyediakan fasiliti peniagaan yang kondusif di tengah bandar dan seterusnya mengembangkan potensi serta memperkasa golongan usahawan. Selain itu, pembangunan ini dapat meningkatkan urbanisasi sekali gus merancakkan ekonomi negara selari dengan konsep Malaysia Madani yang memfokuskan pada pembangunan negara yang lebih mampan dan makmur."

Beliau turut melawat ke sekitar galeri diiringi oleh YB Senator Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YBhg Dato' Sri Suriani Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YBhg Datuk Sr Mohd. Salem Kailany, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif UDA, YBhg Datu Haji Abdul Hadi bin Datuk Haji Abdul Kadir, Pengurus Besar SEDC, YBrs Encik Noor Azmi Salleh, Ketua Pegawai Operasi Pembangunan Hartanah Kumpulan UDA dan YBrs Encik Mustafa Abdullah, Ketua Pegawai Operasi UDA Land Sarawak serta barisan pengurusan kanan UDA.

YBhg Datuk Sr Mohd. Salem berkata, "UDA berbangga dapat melebarkan sayap perniagaan ke negeri Sarawak selepas lima dekad mengharungi kejayaan membentuk dan memodenkan bandar-bandar di Semenanjung Malaysia seperti di Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang. UDA berhasrat untuk mewarnai pembangunan bandar dan membantu menggalakkan pemilikan harta tanah dalam kalangan komuniti setempat di negeri Sarawak khususnya Bumiputera. Inisiatif ini seiring dengan penjenamaan baharu UDA iaitu 'LIFE' yang memfokuskan kepada kelangsungan serta kelestarian dalam kehidupan atau *sustainability*."

Pembangunan bersepadu Neu Pendington itu merangkumi pembinaan 594 unit apartmen (2 blok apartmen 25 tingkat dengan 3 jenis keluasan), 262 unit kedai pejabat berstrata (3 jenis - 2, 4, & 6 tingkat) dan sebuah hotel 12 tingkat dengan 200 bilik. Projek yang terletak di lokasi strategik berdekatan kawasan industri Pending Heights di Lot 9561, Seksyen 64, Kuching Town Land District, Jalan Datuk Marican Salleh, Kuching itu dijangka siap sepenuhnya pada 2029 di mana fasa pertama akan siap pada 2026 dan fasa kedua pada 2027.

Bagi yang berminat untuk mendaftar atau mendapatkan maklumat lanjut projek Neu Pendington, kunjungi galeri jualan UDA Land Sarawak di Lot R104-R105, Level 1, Sarawak Plaza, Jalan Tunuku Abdul Rahman, Kuching, Sarawak atau layari www.udaproPERTY.com.my/project/neu-pendington. Galeri tersebut adalah sementara dan galeri sebenar bakal dibina pada bulan hadapan di tapak pembangunan Neu Pendington serta dijangka siap pada bulan Disember tahun ini.

TAMAT

UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA) yang dulu dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Bandar (Urban Development Authority) telah ditubuhkan pada tahun 1971, kini merupakan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).

Setelah lima dekad, UDA terus komited dalam mencorakkan, membentuk serta memodenkan bandar-bandar utama di Malaysia.

Kini, UDA adalah salah sebuah organisasi yang berdaya saing dan mampan di Malaysia dengan memfokuskan pada empat perniagaan teras iaitu hartanah (UDA Property), pelaburan dan pengurusan harta (UDA Property Investment & Management), hospitaliti (UDA Hospitality) dan pengurusan fasiliti (UDA Facility Management).

UDA turut konsisten bekerja keras bagi memenuhi misi memberikan produk dengan nilai terbaik seterusnya kekal mampan dengan menerapkan ciri-ciri ‘Life’ iaitu *Legacy* (Legasi), *Integrated* (Integrasi), *Finesse* (Ketelitian) dan *Enrich* (Memperkasa) sebagai tunggak utama bagi semua rangkaian perniagaan UDA di seluruh Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.uda.com.my. Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Nor Hanisah Kamaruzaman (Nisa)	n.hanisah@udanet.com	+6013 597 4264
Mohamad Haziq Radhwan Mohd Yusoff	haziq.radhwan@udanet.com	+6011 2412 0907

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan
Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,
Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur
Tel: +603 2730 8500 | Fax: +603 2731 2855

“MEMPERKASA GAYA HIDUP LESTARI”